

30 MAR 1996

Mahathir - Hutan

MALAYSIA AKAN PASTIKAN 50 PERATUS TANAH DILITUPI HUTAN

KUALA LUMPUR, 30 Mac (Bernama) -- Malaysia dengan tegasnya mengambil alih tanggungjawab memastikan sekurang-kurangnya 50 peratus daripada buminya diliputi hutan kekal, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Beliau berkata selari dengan dasar itu, kira-kira 20 juta hektar atau dua pertiga daripada jumlah kawasan tanah negara ini masih dalam keadaan hutan asli dan dilitupi tumbuhan.

Kompleksiti hutan hujan perlu dianalisis dan difahami dengan penuh kemuliaan sebelum keputusan mengenai pembangunan diambil, katanya.

"Hanya selepas itu keseimbangan antara perlindungan yang kita cita-citakan dan dengan penuh kepakaran, penggunaan berkekalan sumber hutan dapat dicapai. Dan hanya selepas itu baru kita dapat meraih hasil daripada matlamat kita," katanya pada pelancaran Minggu Kesedaran Hutan Hujan Kristal di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini malam ini.

Perdana Menteri berkata, "kita perlu mengkaji tumbuhan dan hutan berkenaan agar kita dapat memaksimumkan penggunaan apa juga yang kita usahakan."

Katanya, adalah amat mengecewakan kerana hanya 20 peratus daripada pokok-pokok yang ditebang telah digunakan manakala 80 peratus lagi dibakar, menghasilkan karbon-dioksida, asap dan mengakibatkan jerebu.

Tetapi hari ini, kata beliau, Malaysia mempunyai kepakaran dan pengetahuan untuk menggunakan 80 peratus daripada pokok-pokok yang ditebang manakala selebihnya dibuang dengan menghasilkan pencemaran yang minimum.

"Kita perlu menguruskan hutan kita mengikut perspektif biologi dan perlu belajar ciri-ciri pembangunan semula hutan dan merakamkan pengetahuan yang banyak terkandung di dalamnya," katanya.

Beliau berkata kawasan-kawasan hutan yang kaya dan luas perlu dijadikan taman negara dan hutan simpan bagi mengurangkan gangguan ekosistem.

Pewujudan Taman Negara, Hutan Simpan Belum dan Taman Negara Endau-Rompin telah membuktikan komitmen negara terhadap prinsip tersebut, katanya.

Beliau berkata terdapat perbincangan ekonomi yang menguntungkan untuk memelihara hutan yang tidak diheboh-hebohkan oleh pejuang alam sekitar.

"Berbeza dengan apa yang kita percaya daripada pihak-pihak yang berfikiran sempit, hutan boleh menyediakan sumber semula jadi berkekalan walaupun terdapat halangan-halangan ekologi".

Beliau berkata kayu balak merupakan hanya 10 peratus daripada sumber-sumber hutan yang boleh dihasilkan semula manakala potensi besar ekonomi boleh diperolehi daripada serabut, buah-buahan, getah asli dan tumbuhan herba.

Katanya, ladang-ladang getah, kelapa sawit, koko, lada dan tanaman bunga yang telah menjadikan Malaysia makmur, semuanya adalah dari hutan-hutan semulajadi.

Perdana Menteri berkata, "bagi terus mengekalkan integriti hutan kita, semua program pengurusan kita perlu diawasi dan berusaha ke arah mencapai industri pembalakan yang berkekalan, memperbaiki penggunaan kayu balak tropika, menggalak dan menyokong usaha penghutanan semula secara aktif dan menghasilkan kaedah tuaian yang kurang mendatangkan kerosakan, mengurangkan pembaziran pengeluaran dan mengadakan pasaran lebih adil dan stabil untuk memenuhi keperluan dalam negeri dan antarabangsa."

Beliau berkata tidak ada sebab mengapa program latihan dan pendidikan

tidak harus diadakan untuk melengkapkan orang ramai bukan sahaja dengan kemahiran pengurusan hutan malahan memupuk sikap menyanyangi dan mencintai hutan.

Pada masa depan hanya mereka yang mahir dan berkekeluargaan sahaja perlu dibenarkan melibatkan diri dalam aktiviti menerokai sumber-sumber hutan, katanya.

"Bumi ialah tempat yang paling berharga dan biarlah kita peliharakannya dengan seluruh tenaga kita, dengan seluruh jiwa raga kita untuk anak cucu kita pada masa depan," katanya. -- BERNAMA.

HT CR OBA.